

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

MENGINSAFI DIRI MENUJU KEHIDUPAN ABADI

Tarikh Dibaca:

6 JAMADILAKHIR 1444H/ 30 DISEMBER 2022M

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia





MENGINSAFI DIRI MENUJU KEHIDUPAN ABADI 30 DISEMBER 2022 / 6 JAMADILAKHIR 1444H

أَخْمَدُ لِلهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴾ يَّأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَلْتَنظُرُ نَفْسُ مَّا قَدَّمَتُ لِغَدِّ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌ ا بِمَا تَعْمَلُونَ ٨٠

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلهَ إِلاَ اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوا الله، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُقْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Perkara ini bertepatan dengan peringatan dari Nabi Muhammad SAW yang bersabda:



Maksudnya: "Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu". (Hadis riwayat Abu Daud)

Tajuk khutbah pada hari ini ialah: "Menginsafi Diri Menuju Kehidupan Abadi".

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Marilah kita sentiasa bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT dan bermunajat kepada-Nya memohon petunjuk, pertolongan dan perlindungan. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang dikasihi dan diberkati.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita sekarang berada pada Hari Jumaat terakhir bagi Tahun 2022. Kehidupan ini tidak dapat lari dari diumpamakan seperti sebuah perjalanan yang panjang dan akhirnya pasti menuju ke sesuatu destinasi. Sepanjang perjalanan itu kita menempuhi pelbagai rintangan dan kesenangan yang sepatutnya mematangkan diri kita agar menjadi seorang yang lebih cerdik membezakan kanan dan kiri, baik dan buruk, bermanfaat atau mudarat sesuatu perkara.

Oleh sebab itu perlunya kita sentiasa menyemak, menilai dan bermuhasabah (atau lebih mudah kita sebut sebagai audit) diri setiap hari sama ada kita berjaya meningkatkan amalan atau masih lagi mengulangi kesilapan yang sama. Ia juga bertujuan memudahkan kita untuk melakukan persiapan bagi menghadapi masa depan dengan lebih baik. Tugas muhasabah ini bertepatan dengan perintah Allah SWT sepertimana dalam Surah al-Hasyr ayat 18 yang dibaca pada permulaan khutbah ini tadi yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari



akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan".

Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW menyatakan bahawa orang yang sentiasa bermuhasabah ialah orang yang cerdik sebagaimana hadis riwayat Imam al-Tirmidzi:

اللَّهِ

Maksudnya: "Orang yang cerdik (yang berakal) ialah orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematian, manakala orang yang lemah (imannya) ialah orang yang jiwanya mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah SWT (bahawa Allah akan mengampuninya)".

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Daripada perintah Allah SWT dan peringatan Rasulullah SAW yang disampaikan tadi, ada beberapa perkara penting yang kita dapat ambil sebagai peringatan, antaranya;

Pertama: Dengan bermuhasabah, kita dapat menilai tindakan kita sama ada berada pada landasan yang betul atau tidak dalam usaha meraih keredhaan Allah SWT.

Kedua: Bermuhasabah akan membantu kita memperbaiki diri agar tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Ketiga: Bertindak sebagai pengawasan diri sepanjang masa. Jika kita pernah termasuk dalam sesuatu lubang, pastinya kita akan lebih berhati-hati dalam setiap langkah perjalanan.

Keempat: Menjadi motivasi kepada kita untuk meningkatkan komitmen diri agar terus *istiqamah* menjadi yang terbaik.

Dan yang kelima: Ia meningkatkan rasa syukur dalam diri kerana masih lagi diberi peluang untuk bertaubat dan memohon keampunan kepada orang lain.

Akhirnya, setiap gerak-geri dan tindakan seharian kita akan sentiasa terpandu dalam kawalan iman dan takwa hasil dari kesedaran tentang kekurangan dan kelemahan diri.



Tiada sesiapa pun yang dapat menjamin bahawa dia masih hidup pada hari esok kecuali semuanya dalam pengetahuan Allah SWT. Oleh sebab itu, kita mesti menginsafi diri dan sentiasa bersedia dengan amalan dan iman untuk menuju kehidupan abadi. Firman Allah SWT dalam Surah Lugman ayat 34:

Maksudnya: "Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dia lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuan-Nya".

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita juga perlu sentiasa sedar bahawa hakikat kehidupan di dunia ini hanyalah sementara dan akhirat jualah tempat yang kekal selama-lamanya. Maka dalam setiap urusan kehidupan kita, tingkatkan rasa *muroqobah* (rasa sentiasa diawasi dan diperhatikan oleh Allah SWT). Jika terdetik rasa ingin melakukan kemaksiatan atau kemungkaran, ingatlah bahawa Allah SWT sentiasa memerhatikan tindakan kita walau di mana-mana sahaja kita berada. Malaikat Raqib dan 'Atid pula akan mencatat setiap amalan baik dan buruk -walau sebesar biji sawi- yang akan dibentangkan di hadapan Allah SWT kelak.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa kesimpulan:

Pertama: Kehidupan di dunia ini ibarat sebuah perjalanan yang menempuhi pelbagai macam rintangan dan kesenangan dan pasti akan menemui jalan penghujung. Maka perlunya kita mempersiapkan diri dengan bekal yang secukupnya.

Kedua: Kita dituntut untuk sentiasa bermuhasabah (audit diri) bagi memastikan setiap tindakan kita berada pada landasan yang benar dan diredhai Allah SWT.

Ketiga: Ingatlah bahawa Allah SWT sentiasa memerhatikan setiap gerak-geri kita dan akhirnya nanti setiap amalan dan perbuatan itu akan menjadi bekal yang akan



dipertanggungjawabkan di akhirat kelak dan menjadi penentu sama ada kita menjadi penghuni syurga atau menghuni di neraka yang menjulang-julang api bakarannya.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Infitaar ayat 13-14:

Maksudnya: "(Gunanya catitan malaikat-malaikat itu ialah: untuk menyatakan siapa yang berbakti dan siapa yang bersalah) - kerana sesungguhnya: orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada dalam Syurga yang penuh nikmat; Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, bertempat dalam neraka yang menjulang-julang.".

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدَّكْرِ الْحَكِيمِ، وَنَقَبَلُ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيمِ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَاللَّمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَلَكُمْ وَاللَّمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

اَخْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَنَّ سَيِّدَا مِبَادَ اللّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَد فَازَ اللهُ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقُوى اللّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَد فَازَ اللهُ اللهُ اللهُ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقُوى اللهُ وَطَاعَتِهِ فَقَد فَازَ اللهُ اللهُ وَطَاعَتِهُ وَلَا اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ وَلَا اللهُ اللهُولُ اللهُ ا

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَّيِكَتَهُ و يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ يَأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَدَّدُ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَدَّدُ كَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَدَّدُ عَلَى سَيِّدِنَا عَلَى سَيِّدِنَا عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدُ مَجِيدُ.
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكُرَمَ الْأَكُومِينَ. وَالنَّهُمَّ اللَّهُمَّ الْفُورُ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُومِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْواتِ. اللَّهُمَّ الْمُعَهُمْ يَا أَكُرَمَ الْأَمْواتِ. وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْواتِ.



اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيْقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكَنَا كباوه دولي يغ مها موليا سري قدوك بكيندا يغ دڤرتوان اكوغ، السُلطَان عبد الله رِعَايَةُ الدِّيْن المُصْطَفَى بِالله شاه ابن المرحوم سُلطَان حاج أحمد شاه المُسْتَعِيْن بالله.

وَكَذَلِكَ كَبَاوه دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيا سَرَي قُدُوكَ بَكَيْنَدَا رَاجٍ قُرَمَايِسُورِي اَكُوغ، تُونَكُو حَاجَهُ عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مَيْمُونَهُ إِسكندرِيهُ بَنْتُ الْمُرْحُومُ الْمُتُوكِّلُ عَلَى الله سُلْطَانَ إسكندر الحاج.

إسكندر الحَاجِ. اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ بَا أَرْحَمَ اللَّهُمَ اللَّهُ عَلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ بَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِناً مُطْمَئِنَّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَأَمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائَرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِنَّ الْإِسْلَامُ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْفَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرِ وَالْحِيَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا

وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ البَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ البَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai



kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samarsamar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عَبَادَ اللهِ،

ه إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدُلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيٍ ذِي ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكرِ وَٱلْبَغْيَّ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٠٠

وَلَذِكُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.